

25/10/1997

Menjejak dalang spekulator kewangan

Khaidir Abdul Majid; Mutazar Abd Ghani

DIKENALI sebagai 'harimau Asia' dengan mempunyai rizab kira-kira AS\$88 bilion (RM299 bilion), tiada sesiapa menjangka Hong Kong terpaksa berhempas-pulas menyelamatkan mata wangnya daripada serangan spekulatif, menyebabkan kadar faedah di negara itu melonjak mendadak sejak beberapa hari ini.

Pada masa yang sama Bursa Saham Hong Kong (BSHK), antara bursa terbesar di rantau ini mengalami kejatuhan terburuk dalam sejarah yang menyaksikan indeks petunjuknya, Hang Seng menjunam 1,211.47 mata atau 10.4 peratus kepada 10,426.30 mata, semalam.

Penurunan 1,211.47 mata di bursa saham wilayah pentadbiran khas China itu adalah kejatuhan terbesar sehari sejak 14 tahun lalu, didorong jualan panik pelabur ketika kerajaan negara itu berusaha melindungi nilai dolar Hong Kong daripada serangan spekulatif.

Bahang kejatuhan di BSHK turut menggoncang bursa saham di seluruh dunia, meliputi New York, Eropah, Jepun hingga ke Australia, termasuk Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menyaksikan Indeks Komposit susut 24.72 mata kepada 706.45 semalam, penutup terendah tahun ini.

Keributan terbaru di bursa saham Asia itu turut meletakkan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada kedudukan politik baru dan ramai menjangka ia mungkin menaikkan kadar berikutan kebimbangan mengenai kedudukan guna tenaga pada mesyuarat November ini.

Perkembangan terbaru di pasaran kewangan dan saham Hong Kong juga seharusnya membuka mata pihak tertentu, terutama pemimpin di rantau ini terhadap kritikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa bulan lalu berhubung kegiatan spekulator dan manipulator 'penyangak' di pasaran kewangan dan saham serantau, khususnya Asean, yang bertujuan memporakperandakan ekonomi negara terbabit.

Sebelum ini, kritikan pedas dan cadangan 'ekstrim' Dr Mahathir berhubung kegiatan 'penyangak' terbabit bukan saja dipandang sepi oleh sesetengah pemimpin rantau ini, malah dikritik hebat pihak tertentu di Barat, khususnya media massa yang kononnya berpegang kepada prinsip kebebasan pasaran.

Mereka bukan saja memandang sinis setiap pandangan Dr Mahathir yang kegawatan ekonomi di rantau ini ada kaitan dengan kegiatan penyangak berkenaan, sebaliknya mengaitkan masalah itu dengan 'ketidakberkesanan dan kegagalan' negara terbabit mengurus ekonomi masing-masing.

Bagaimanapun, kejatuhan terburuk di BSHK kelmarin seharusnya melontarkan idea konkrit ke arah pewujudan gabungan kukuh di kalangan pemimpin Asia dalam menangani serangan spekulatif ini. Kejatuhan harga di BSHK tidak syak lagi dicituskan serangan spekulator terhadap dollar wilayah pentadbiran khas China itu, yang ditambah kepada dolar Amerika Syarikat pada kadar 7.75.

Sejak krisis kewangan Asia Tenggara bermula dengan penurunan nilai baht, mata wang Thailand, pedagang mata wang dan badan pelaburan sejagat besar yang digelar Dana Lindung Nilai memang mengintai mata wang selanjutnya yang akan menjadi sasaran mereka. Menyusuli baht sebelum ini, sasaran mereka ialah ringgit, peso (Filipina), rupiah (Indonesia) dan dolar Taiwan.

Sebelum Hong Kong, pasaran yang diserang, Malaysia Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura, boleh dianggap agak kecil. Tetapi kini dunia dapat melihat pasaran sebesar Hong Kong yang sekali ganda lebih besar daripada

saiz secara kumpulan lima negara Asia Tenggara itu juga boleh terjejas akibat angkara spekulator. Serangan terhadap Hong Kong yang sebelum ini dianggap mempunyai ekonomi yang lebih kukuh daripada jirannya di Asia Tenggara itu, menimbulkan persoalan sama ada serangan spekulator ini mampu dibendung oleh mana-mana negara sekalipun.

Sebelum ini, hampir semua pakar pasaran berpendapat Hong Kong agak berbeza dengan jirannya di Asia Tenggara kerana hubungannya dengan China. Kini jika Hong Kong boleh tewas kepada spekulator dan terpaksa melupakan tambatan mata wangnya kepada dolar AS, apatah lagi negara yang mempunyai keupayaan yang lebih kecil. Bagi Hong Kong sekarang, perjuangannya adalah untuk mempertahankan nilai mata wangnya. Setakat ini, wilayah pentadbiran khas China itu sudah meningkatkan kadar faedahnya sebagai instrumen mempertahankan dolarnya. Kenaikan kadar faedah ini akan menarik modal masuk ke Hong Kong dan menggerakkan kegiatan membeli dolarnya. Spekulator yang sudah membeli dolar Hong Kong secara margin juga terpaksa membuat bayaran lebih tinggi bagi pinjaman mereka. Keadaan ini memaksa mereka melupuskan kedudukan masing-masing.

Bagaimanapun, kadar faedah yang lebih tinggi, juga membawa masalah kepada dua sektor yang menerajui ekonomi Hong Kong iaitu hartanah dan kewangan. Kadar faedah yang lebih tinggi itu bermakna kos perniagaan bagi kedua-dua sektor akan meningkat. Walaupun Hong Kong berjaya mempertahankan nilai mata wangnya dengan menggunakan kadar faedah, kadar lebih tinggi sekarang boleh melembapkan pertumbuhannya jika krisis kewangan itu berlanjutan. Selain itu, akan tiba masanya keadaan ekonominya tidak dapat memungkinkan suasana kadar faedah yang tinggi.

Sebaliknya, jika nilai mata wang Hong Kong dibiarkan jatuh kesannya mungkin lebih teruk lagi. Selain itu, kredibilitinya sebagai pusat kewangan antarabangsa akan terjejas. Dengan asas ekonominya yang kukuh serta rizabnya yang antara tertinggi di dunia, Hong Kong jelas turut terdedah dan boleh menjadi mangsa kepada serangan spekulatif. Kini kita menunggu apakah `nasihat' kepada Hong Kong, yang akan diberi oleh pengkritik Barat yang rata-ratanya mengakui diri mereka sebagai pejuang pasaran bebas. Nasihat itu agak menarik diteliti kerana sebelum ini bagi negara Asia Tenggara, pengkritik ini memberi nasihat supaya liberalisasi pasaran dilaksanakan segera. Walaupun masalahnya sama - iaitu serangan spekulator terhadap pasaran kewangan - yang jelas nasihatnya tidak boleh sama kerana Hong Kong adalah antara pasaran paling bebas di dunia.

Bagi Malaysia, asas ekonomi kukuhnya yang mencatat perkembangan lebih lapan peratus pada suku kedua tahun ini sementara prestasi syarikat tersenarai yang terus kukuh tidak diambil kira langsung. Sebenarnya tidak ada sebab konkrit bursa saham tempatan mengalami kejatuhan teruk, jika tidak ada campur tangan pihak luar, seperti serangan terhadap mata wang.

Meskipun sukar membuat tuduhan secara jelas, kegiatan penyangkal ekonomi ini didalangi pihak tertentu di Barat yang sentiasa merasa tidak senang hati terhadap perkembangan pesat ekonomi di rantau ini.

Ini terbukti kerana serangan terhadap pasaran kewangan dan saham sejak kebelakangan ini hanya bertumpu di negara Asia dan ia pasti mengundang tanggapan kegiatan dilakukan pihak tertentu yang bermatlamat melemahkan ekonomi negara rantau ini.

Dr Mahathir pernah berkata, beliau bukan menentang sebarang kegiatan spekulasi sama ada dalam pasaran mata wang atau modal ekuiti tetapi apa yang berlaku sekarang yang membabitkan banyak negara di Asia seolah-olah wujud satu konspirasi.

"Memang sukar untuk menuduh itu satu pakatan. Tetapi jika keadaan itu berlaku dari sebuah negara ke sebuah negara di Asia, kita tentu boleh membuat jangkauan," katanya.

Perdana Menteri juga pernah menjelaskan kejatuhan nilai mata wang di

beberapa negara di Asia adalah satu percubaan ketara pihak tertentu untuk memberhentikan pertumbuhan ekonomi yang pesat di rantau ini. Pandangan seperti ini menimbulkan persoalan mengapakah pihak barat, terutamanya Amerika Syarikat, mahu berkonspirasi terhadap negara Asia? Mungkinkah Amerika Syarikat menyedari ekonominya kini berkembang terlalu pesat dan ia terpaksa memperlahankan pertumbuhan ini? Apakah dengan memperlahankan pertumbuhan Asia sebagai membuka jalan kepadanya untuk memperlahankan ekonominya sendiri?

Apa sekalipun yang jelas mata wang demi mata wang yang ditambah kepada dolar AS menjadi sasaran kepada spekulator ini. Di rantau ini, ada beberapa negara lagi yang mempunyai mata wangnya ditambah kepada dolar AS. Adakah mata wang ini akan menjadi sasaran selanjutnya? Perkembangan di pasaran mata wang serantau sekarang juga menimbulkan persoalan siapakah yang paling beruntung jika tiada lagi mata wang yang ditambah kepada nilai dolar AS? Apakah suasana itu bermakna kerajaan sesebuah negara tidak lagi akan berupaya menentukan nilai mata wangnya, sekali gus juga tidak berupaya menentukan masa depan dan bentuk ekonominya?

(END)